

26 JUN 2000

Najib-Balak

NAJIB SAMBUT BAIK JIKA ISU BALAK DIBINCANG PADA J/KUASA SEMPADAN

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak menyambut baik sekiranya isu dakwaan kegiatan penyeludupan balak dari Kalimantan dapat dibincangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia-Indonesia (GBC).

Katanya mesyuarat jawatankuasa itu dijangka diadakan pada akhir tahun ini atau awal tahun depan.

Najib, yang juga Pengerusi bersama jawatankuasa itu, berkata isu penyeludupan balak dari wilayah Indonesia itu tidak pernah dibincangkan secara khusus.

"Ia tidak dibincangkan secara khusus, tetapi secara tidak langsung kita bersetuju untuk menggunakan forum GBC untuk bertukar-tukar maklumat dan sebagainya serta untuk menghadapi ancaman yang bukan dalam bentuk ketenteraan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang selepas menyambut kepulangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba dari Mesir, selepas menghadiri mesyuarat G15.

Baru-baru ini Setiausaha Umum Jabatan Hutan dan Perladangan Indonesia, Suprito, mendakwa anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terbabit dalam kegiatan penyeludupan balak berdasarkan kepada penemuan beberapa kelongsong peluru dan bekalan makanan yang bertulis "Angkatan Tentera Malaysia" dengan cop ATM.

Najib berkata Malaysia sudah menyampaikan pendiriannya bahawa tidak ada mana-mana pihak termasuk anggota tentera negara ini yang terlibat dalam kegiatan pembalakan haram itu.

Katanya pendirian Malaysia itu telah disampaikan oleh Ketua Staff ATM yang melakukan lawatan ke Indonesia baru-baru ini.

Najib berkata pembalakan haram boleh berlaku di mana-mana tempat dan terpulanglah kepada pihak penguatkuasaan untuk membanteras kegiatan itu.

"Saya tidak mahu perkara ini mengeruhkan perhubungan kita (Malaysia-Indonesia). Sebenarnya perhubungan ketenteraan kita cukup akrab," katanya.

-- BERNAMA

HS AHH NMO